

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 31 MAC 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Lancar MyKira GST	Harian Metro
2.	Aplikasi MyKira GST untuk semak harga barang	KOSMO
3.	Aplikasi MyKira banding harga sebelum, selepas GST	Utusan Malaysia
4.	MyKira GST bantu pengguna semak harga barang	Berita Harian
5.	GST Apps to check prices	Nanyang Siang Pau
6.	'MyKira GST' application to check the difference of more than 10,000 items	Nanyang Siang Pau
7.	Direct examination of commodity prices	Nanyang Siang Pau
8.	GMI-YIM Tie-up to boost income of 12 million people	BERNAMA
9.	Fenomena Gerhana Bulan Penuh Sabtu ini	BERNAMA
10.	Gempa bumi gegar Wilayah Kepulauan Samoa	BERNAMA

# Lancar MyKira GST

■ Aplikasi telefon mudah alih bantu buat semakan segera impak cukai baru

Oleh Ainul Fatihah Mansor  
am@hmetro.com.my  
Putrajaya

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melancarkan sistem aplikasi telefon mudah alih MyKira GST bagi membantu orang



FOTO: FARIZ ISWADI ISMAIL

HASAN (kanan) menunjukkan aplikasi MyKira GST pada telefon pintar selepas merasmikan aplikasi berkenaan pada Majlis Perasmian Bilik Gerakan Anti Pencatutan dan aplikasi MyKira GST di KPDKKK, Putrajaya.

ramai membuat semakan segera impak Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) terhadap barang dan per-

khidmatan sebelum pembelian dilakukan.

Menterinya Datuk Seri Hasan Malek berkata, aplikasi itu dibangunkan kerajaan dengan kerjasama MIMOS Berhad.

Beliau berkata, antara ciri utama aplikasi itu adalah

pengguna boleh menyemak lebih 10,000 harga barang yang berada di pasaran.

"Menerusi MyKira GST, pengguna dapat mengenal pasti peniaga yang mengambil keuntungan berlebihan terhadap barang jualan dengan paparan

**GST PEDIA** UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA LAYARI [WWW.GSTPEDIA.MY](http://WWW.GSTPEDIA.MY)

'thumb's up' atau 'thumb's down'.

"Sekiranya didapati peniaga mengambil kesempatan, pengguna boleh membuat aduan menggunakan saluran e-aduan tersedia di dalam aplikasi berkenaan," katanya selepas melancarkan sistem aplikasi MyKira GST dan Pusat Gerakan Anti Pencatutan (PGAP) di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPDKKK Datuk Seri Alias Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Francais dan Kepenggunaan) KPDKKK Datuk Basaruddin Sadali dan Pengarah Penguatkuasa KPDKKK Mohd Roslan Mahayudin.

Hasan berkata, aduan itu akan dihubungkan terus ke PGAP yang beroperasi 24 jam (sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak).

Menurutnya, 40 pegawai penguat kuasa akan bertugas di PGAP bagi memastikan setiap aduan yang diterima dilayan dengan baik, selain mengenal pasti lokasi seperti yang dimaklumkan pengadu.

"Pada masa sama, pegawai penguat kuasa tetap akan turun padang seperti biasa tetapi agak mustahil untuk mereka turun ke semua lokasi, jadi maklumat tepat daripada pengguna menerusi PGAP akan memudahkan operasi dilakukan," katanya.

# ESOK

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (GST) : MUKA SURAT 16  
TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)**

## Aplikasi MyKira GST untuk semak harga barang



HASAN Malek (kanan) melancarkan Pusat Gerakan Antipencatutan dan aplikasi MyKira GST di Putrajaya semalam. Turut hadir timbalannya, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah (dua dari kanan) dan Ketua Setiausaha KPDKKK, Datuk Seri Alias Ahmad (tiga dari kanan).

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) semalam melancarkan aplikasi telefon mudah alih MyKira GST yang membolehkan pengguna membuat semakan segera impak Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) terhadap harga lebih 10,000 barang.

Menterinya, Datuk Seri Hasan Malek berkata, aplikasi yang dibangunkan KPDKKK dengan kerjasama MIMOS Berhad itu juga membolehkan pengguna yang tidak berpuas hati membuat aduan terus melalui saluran e-aduan yang disediakan.

"Dalam tiga langkah (melalui MyKira GST), pengguna boleh menyemak harga barang dalam julat.

"Semua e-aduan melalui aplikasi ini akan diambil tindakan segera dengan dihantar terus kepada pasukan penguatkuasaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan aplikasi itu dan Pusat Gerakan AntiPencatutan di Ibu Pejabat KPDKKK di Putrajaya semalam.

Aplikasi itu boleh dimuat turun secara percuma daripada Google Play Store mulai sekarang manakala bagi Apps Store ia dapat diperoleh pada minggu pertama April.

Dalam pada itu, Hasan mengingatkan bahan peniaga yang senangga mahu menjadikan GST sebagai alasan menaikkan harga akan dikenakan tindakan tegas dan dibicarakan di mahkamah khas menjayak antipencatutan.

### **INFO Cara Penggunaan Aplikasi MyKira GST**

- MyKira GST adalah sebagai panduan dan rujukan umum bagi barang keperluan asas terpilih sahaja.
- Aplikasi boleh dimuat turun menerusi telefon pintar yang menggunakan sistem Android.
- Pengguna perlu memasukkan maklumat barang seperti jenis produk, berat, harga, premis dan kawasan Parlimen.
- Aplikasi MyKira akan memberitahu pengguna barang yang dibeli berada pada kadar harga yang berpatutan atau tidak.
- Selepas semakan harga dibuat, pengguna boleh memilih untuk mendapatkan maklumat lanjut atau membuat aduan ke portal [www.1pengguna.com](http://www.1pengguna.com).

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 03**  
**TARIKH: 31 MAC 2015 (SELASA)**



**HASAN MALEK** (duduk) melancarkan Pusat Gerakan Antipencatutan dan Aplikasi MyKira GST di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan timbalannya, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah dan Ketua Setiausaha KPDKKK, Datuk Seri Alias Ahmad.

- UTUSAN/RASHID MAHFIZ

## Aplikasi MyKira banding harga sebelum, selepas GST

**PUTRAJAYA 30 Mac** - Orang ramai yang mahu membuat perbandingan harga barang sebelum dan selepas pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kini boleh berbuat demikian dengan mudah dan pantas menggunakan sistem aplikasi telefon mudah alih, MyKira GST.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek berkata, aplikasi yang dibangunkan pihaknya dengan kerjasama MIMOS Bhd. dapat menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk membandingkan harga barang selepas pelaksanaan GST pada 1 April ini.

Beliau berkata, antara ciri utama aplikasi tersebut ialah orang ramai dapat menyemak lebih 10,000 harga barang yang berada di pasaran dan pada masa sama, pengguna juga boleh terus membuat aduan dengan menggunakan e-aduan yang terdapat dalam aplikasi terbabit.

"Menerusi MyKira pengguna yang kurang pasti harga sesuatu barang sebelum dan selepas GST boleh membandingkannya melalui aplikasi ini dengan hanya menggunakan tiga langkah sahaja dan sistem ini akan memberitahu julat harga sesuatu barang terbabit, sekiranya tiada masalah sistem ini akan menunjukkan tanda bagus.

"Selain itu, pengguna juga boleh menggunakan sistem ini untuk terus melaporkan kepada Pusat Gerakan Anti Pencatutan (PGAP) sekiranya peniaga terbabit mengambil keuntungan secara berlebihan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan

PGAP dan aplikasi MyKira GST di sini hari ini.

Menurut Hasan, buat masa sekarang sistem tersebut boleh dimuat turun menggunakan aplikasi Android sahaja, manakala aplikasi iOS hanya dapat dimuat turun selepas Rabu ini.

Dalam pada itu, Hasan berkata, pusat gerakan tersebut akan beroperasi selama 24 jam setiap hari bagi menerima aduan harga barang melalui telefon, saluran e-aduan dan media sosial selain pemantauan melalui siaran televisyen.

Katanya, pengguna yang mempunyai aduan boleh menghubungi terus talian *hotline* 1-800-886-800 atau talian 03-88826245 atau 03-88826088 dan setiap aduan akan direkod serta disalurkan kepada pegawai kementeriannya untuk diambil tindakan.

Hasan berkata, mana-mana peniaga yang didapati bersalah bakal didakwa di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Kita tidak akan bertolak ansur lagi selepas ini terhadap mana-mana peniaga yang degil kerana kerajaan sudah melakukan penerangan melalui pelbagai media masa dan mustahil mereka tidak tahu, oleh itu saya nasihatkan pengguna supaya membuat aduan kepada kita untuk diambil tindakan."

"Sekiranya kesalahan dilakukan sangat berat mereka boleh didakwa di mahkamah khas jenayah yang ditubuhkan di lima zon iaitu di kawasan utara, selatan, timur, tengah serta Sabah dan Sarawak untuk diadili," katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 3**  
**TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)**

## **MyKira GST bantu pengguna semak harga barang**

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melancarkan aplikasi telefon mudah alih, MyKira GST bagi membantu pengguna membuat semakan segera Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Menterinya, Datuk Seri Hasan Malek, berkata aplikasi itu dibangunkan dengan kerjasama **M1 MOS Berhad** bagi memudahkan pengguna membuat keputusan sebelum membeli barang.

"Ciri utama antara lain membolehkan orang ramai menyemak lebih 10,000 harga barang

di pasaran. Kalau pengguna hendak beli barang dan ingin kepastian harga sebelum dan selepas GST, boleh guna aplikasi ini untuk pemeriksaan harga.

### **Saluran e-aduan**

"Selain itu, pengguna boleh terus membuat aduan menggunakan saluran e-aduan yang tersedia dalam aplikasi ini sekiranya ada peniaga yang mengambil kesempatan mengambil keuntungan berlebihan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Pusat Gerakan Antipenca-



**Hasan menunjukkan aplikasi MyKira GST pada telefon pintar selepas merasmikan aplikasi berkenaan di Putrajaya, semalam.**

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

tan (PGAP) dan Aplikasi MyKira GST, di sini semalam.

Hasan berkata, aplikasi itu boleh dimuat turun oleh pengguna sistem android sejak dua hari lalu, manakala bagi pengguna iOS, boleh memuat turun mulai ming-

gu pertama April.

Dalam pada itu, lima mahkamah khas GST khusus untuk mengendalikan kes penguna terhadap peniaga di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencautan 2011 diwujudkan mengikut

zon Utara, Selatan, Timur, Tengah dan Sabah serta Sarawak.

"Syarikat dan peniaga yang memanipulasi harga barang selepas pelaksanaan GST bakal berdepan tindakan mahkamah dengan pendakwaan oleh Jabatan Peguam Negara di lima mahkamah itu.

"Penipu GST mesti dikenakan tindakan dan tidak ada lagi tolak ansur kerana kalau semua pihak beri sokongan kepada usaha kita ini, pasti tidak akan ada masalah yang timbul," katanya.

Hasan mengingatkan, tindakan tegas akan diambil serta-merta terhadap pihak yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Setiap aduan yang diterima melalui talian hotline 1-800-886-800 akan direkod dan disalurkan kepada KPDKKK negeri. Talian lain yang boleh dihubungi 03-88826245 dan 03-88826088.

**KERATAN AKHBAR  
NANYANG SIANG PAU (MUKA DEPAN) : MUKA SURAT A1  
TARIKH: 31 MAC 2015 (SELASA)**



**GST App查物价**

首相纳吉昨日推介消费税指南来提高公众对消费税的了解，他也亲自前往当局设立的咨询中心，了解情况并观看关税局官员接听公众来电询问消费税的过程；后排左起为关税局总监拿督斯里卡沙里、财政部副部长拿督阿末马斯兰与第二财长拿督斯里阿末胡斯尼。

上图为国内贸易、合作社及消费事务部与大马微电子系统研究公司(MIMOS)开发的智能手机应用程式App，能让公众查核超过一万种征税物品的价格。

报道 ▶ A3

## “MyKira GST”应用程式 查核逾 1 万物品差价

(布城 30 日讯) 国内贸易、合作社及消费部今日推介手机应用程式“*MyKira GST*”，让消费者可立即查核超过 1 万种征税物品的差价。

贸消部长拿督斯里哈山马烈指出，由其部门及大马微电子系统研

究院 (MIMOS) 合作研发的应用程式，也可让消费者通过电子投诉管道作出投诉。

“(通过 ‘*MyKira GST*’) 三个步骤，消费者可查核物品的差价。通过此应用程式作出的投诉将尽速处理，直接

传送至执法队。”

他今日为“*MyKira GST*”及反暴利行动中心主持推介礼后这么说。

### 下载手机应用程式

消费者即日起可通过谷歌 Play Store 下载

该手机应用程式，而苹果手机用户则可在 4 月第一个星期下载。

哈山马烈指出，反暴利行动中心于今日开始投入运作，对违例人士采取立即行动。

他说，该中心是 24 小时运作，由 40 名志

愿者轮流值勤，处理通过电话、电子投诉管道及社交媒体所接获的投诉。


他说，消费者可拨打投诉热线 1-800-886-800、03-8882-6245 或 03-8882-6088 提供具体资料，以便当局可尽速展开检查及采取行动。

“每一宗投诉将被记录在案，以及传送至州贸消部办公室和基层执法人员。一些投诉可立即被采取行动，如秤磅及标价，但有关反暴利的投诉则需时间展开调查。”

哈山马烈指出，国内 5 个区，即北马、南马、东海岸、中马、砂拉越及沙巴各设有一个特别刑事法庭，并于本周三开始运作，处理有关价格管制及反暴利法令下的案件。

他说，总检察署将针对案件作出检控，贸消部执法人员则提供相关案件的资料。

他也说，贸消部和关税局将在 4 月 2 日在全国展开联合行动。



哈山马烈（站者中）与官员到反暴利行动中心了解该中心的 24 小时运作，官员将会通过电话、电子投诉管道及社交媒体所接获的投诉，对违例人士采取行动。

**KERATAN AKHBAR**  
**NANYANG SIANG PAU (COMMERCIAL NEWS) : MUKA SURAT A3**  
**TARIKH: 31 MAC 2015 (SELASA)**

## 直接检查商品价格

消费税落实后，消费者能通过 MyKira GST 应用程式，直接检查相关商品是否已经超乎他们应有的价格。

消费者只需输入一些详情，就能知道其物价是属于“超出范

围”或“在范围内”。

除了能检查物价之外，如果发现相关物价有多收费，其应用程式系统会将消费者转移到贸消部网站，让消费者举报。

此外，这项应用程式是由贸消部及大马

微电子系统研究公司 (MIMOS) 研发，其资料库含有不少过 1 万种消费物品，包括日常消费品，让消费者在购物时查询。

不过，应用程式里的物价清单可能因不同地点而含有不同价格。

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 31 MAC 2015 (SELASA)**



## **GMI-YIM TIE-UP TO BOOST INCOME OF 12 MILLION PEOPLE**



*INNOVATION BOOST... YIM CEO Muhammad Aziph Datuk Mustapha (left) and GMI MD Yusoff Sahir at the signing of the MoU in Kajang, Selangor recently.* KUALA LUMPUR, March 30 (Bernama) --The German-Malaysian Institute (GMI) and the Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) will embark on an inclusive innovation programme to improve and commercialise innovations that could potentially improve the livelihood of 12 million people.

GMI in a statement here said, the programme will benefit 40 per cent of the Malaysian population at the bottom of the economic pyramid (BoP). Currently, 12 million households are earning less than RM3,050 per month.

On March 12, GMI signed a Memorandum of Understanding (MoU) with YIM, an agency under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) to appoint GMI as Technical Partner for its Inclusive Innovation programme.

The MoU was signed by **YIM Chief Executive Officer Muhammad Aziph Datuk Mustapha** and GMI Managing Director Yusoff Md Sahir in Kajang, Selangor.

The programme is the 6th High Impact Programme (HIP6) under the SME Masterplan. YIM was appointed as the lead agency for HIP6 during the last National SME Development Council (NSDC) meeting held in November 2014.

### **TACKLING DISPARITIES**

HIP6 or Inclusive Innovation Programme is specifically designed to motivate, identify, screen, adopt, upgrade, develop, and sustainably deliver inclusive innovations to tackle disparities among the people in terms of income and access to basic needs

such as education, health and financial resources.

"We are very pleased to partner with GMI in applying technical knowledge and business expertise to solve real grassroots problems," said Muhammad Aziph at the signing. He noted that there was an immense need to lessen the gap in the BoP, especially in education, healthcare, utilities and productivity.

"YIM is diligently upholding the responsibility entrusted by NSDC in delivering Inclusive Innovation to the Malaysian people and technical partners such as GMI will enable them to deliver those innovations more effectively," he added.

The first project that YIM and GMI will be working on is to produce five working prototypes of Mini-Hydroelectric, a grassroots innovation originated from Hamid Jasmin in rural Tambunan, Sabah.

YIM hopes to deploy them in several locations in rural Sabah to help over 300 households to supplement existing electricity supply.

In his speech, Yusoff said: "At GMI, we have the adequate resources to assist YIM in producing new designs or design improvements that will benefit the BoP such as Mini-Hidro and Padi Thresher Machine.

GMI and/or GMITech have all the expertise and skills to fabricate devices to make the Inclusive Innovation programme a success.

YIM was inception in 2010 to promote and inculcate the culture of innovation and creativity among the people. In the pipeline is the commercialisation of six inclusive innovations that will benefit Malaysians in the BoP.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 31 MAC 2015 (SELASA)**



## **Gempa Bumi Gegar Wilayah Kepulauan Samoa**

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.4 pada skala Richter menggegarkan wilayah Kepulauan Samoa pada Isnin.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia**, gempa pada 4.18 petang itu berpusat di 989 km Timur Laut Laucala, Fiji dan 7,865 km Tenggara Semporna, Sabah.

Gempa itu bagaimanapun tidak membawa ancaman tsunami, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 31 MAC 2015 (SELASA)**



## Fenomena Gerhana Bulan Penuh Sabtu Ini

KUALA LUMPUR, 30 Mac (Bernama) -- Rakyat Malaysia berpeluang menyaksikan fenomena gerhana bulan penuh pada 4 April ini, satu-satunya gerhana bulan yang dapat dilihat di Malaysia pada tahun ini.

Mengikut satu kenyataan yang dikeluarkan [Agensi Angkasa Negara \(ANGKASA\)](#) di sini pada Isnin, fasa fenomena tersebut bermula pada 5.01 petang, iaitu bulan memasuki bayang-bayang penumbra.

Kemuncak gerhana berlaku pada 8 malam dan fenomena itu berakhir pada 10.59 malam, iaitu bulan keluar dari bayang-bayang penumbra.

Menurut kenyataan itu, di Sabah, bulan akan terbit lebih awal berbanding di semenanjung iaitu sekitar 6 petang dan untuk itu penduduk di Sabah dapat menyaksikan fenomena tersebut bermula dari fasa separa sehingga tamat keseluruhan gerhana.

"Di semenanjung pula, bulan hanya akan terbit sekitar 7.20 malam dan ini bermakna fasa gerhana bulan penuh bermula sejurus selepas bulan terbit," menurut kenyataan berkenaan.

Lokasi terbaik untuk melihat fenomena tersebut adalah di kawasan yang paling timur dengan ufuk yang tidak terlindung.

Sehubungan itu, ANGKASA dan Jabatan Mufti Selangor akan mengadakan program pencerapan bulan dan planet Musytari, melihat bintang Sirus dan buruj Belantik (Orion) di perkarangan Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Selangor.

Selain itu, ANGKASA juga akan membawa Mini Planetarium bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk menonton tayangan filem pendek astronomi secara percuma.

Untuk mendapatkan perkembangan terkini tentang fenomena tersebut, orang ramai boleh melayari laman sesawang, Facebook dan Twitter: Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) atau hubungi talian 03-22734403/5484.

-- BERNAMA